

EL-WAZIF

AKTIVITI MAC 2021

1. Majlis Penanaman Anak Pokok oleh KPP dan JKEN, UiTMCM

2. Pembukaan booth WaDI dan Zakat sempena Mesyuarat Staf Akademik

3. Webinar EL-WAZIF

4. Bengkel 2 Hari EL-WAZIF @ Nilai



1. Warna-warni Majlis Penanaman Anak Pokok; Projek Wakaf Dusun Ilmu

Penanaman anak pokok oleh ahli-ahli Jawatan Kuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Melaka dan Ketua-ketua Pusat Pengajian (KPP) bersama Rektor UiTMCM, Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor.

Majlis ini juga bersempena lawatan Prof. Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman Omar, Penolong Naib Cancellor (Strategi) ke tapak projek Desa Kelulut, UiTMCM dan Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTMCM pagi ini.

Unit Wakaf, Zakat dan Infaq

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, Km 26 Jalan Lendu
Alor Gajah
Melaka
78000
MALAYSIA

2. Pembukaan booth WaDI dan Zakat sempena Mesyuarat Staf Akademik

Sempena berlangsungnya Mesyuarat Akademik UiTM Cawangan Melaka, Unit EL-WAZIF telah membuka dua kaunter, iaitu kaunter Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) dan kaunter Zakat di Dewan Taming Sari.

Terima kasih petugas-petugas kaunter dan semua yang terlibat membantu melancarkan program ini.





PROJEK WAQAF DUSUN ILMU

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

"Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (KurniaNya) lagi Maha Mengetahui" Surah Al-Baqarah, Ayat 261

AYUH! SALURKAN SUMBANGAN WAKAF TERBAIK ANDA BERSAMA KAMI!

Hubungi Kami Di Talian **019-662 9439** **013-352 8156**

(Dr. Mohd. Faizal - Pengurus Projek Waqaf Dusun Ilmu) (Ustaz Muaz - Koordinator Unit Zakat, Waqaf dan Sedekah, EL-WAZIF)

AKAUN BANK ISLAM UiTM CAWANGAN MELAKA: 0402-4010-0176-52 (rujukan 'Waqaf Dusun Ilmu')

✉ el-wazif@uitm.edu.my

WEBINAR FILANTROPI
WAQAF
DALAM KONTEKS IPT
Peranan & Cabaran Semasa

Anjuran Unit EL-WAZIF dengan kerjasama C...

Ahli Panel

Moderator

Dr. Mohd Ashrof Zaki Yaakob
 Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (BZSW), UiTM Shah Alam Selangor

Ustaz Muaz Mohd
 Koordinator Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka

Dr. Mohd Faizal P. Rameli
 Koordinator ACIS, UiTM Cawangan Melaka

Prof Madya Rawi Nordin
 Pakar Rujuk unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka

26 Mac 2021
 Jumaat
 9.00 ~ 11.00 pagi
 YouTube & Facebook
 UiTM Cawangan Melaka

JAM LATIHAN & E-SIJIL DISEDIKAN

3. Webinar EL-WAZIF

Webinar yang berlangsung selama hampir satu jam setengah ini membawa topik yang kian hangat berkenaan alam waqaf iaitu peranan dan caraban semasa dalam konteks IPT.

Seramai hampir 300 penonton secara langsung berkesempatan menimba ilmu dari pakar-pakar di dalam bidang filantropi tanah air.

Bagi yang ingin menyaksikan ulang siar, boleh ke <https://www.youtube.com/watch?v=vg7u0h-uzaA>

4. Bengkel 2 Hari EL-WAZIF @ Nilai

Telah berlangsung Mesyuarat dan Bengkel Pemantapan Seksyen Waqaf, Zakat dan Infaq di bawah unit EL-WAZIF, UiTM Cawangan Melaka, pada 30 hingga 31 Mac 2021, bertempat di Institut Kepimpinan & Pembangunan (ILD), Nilai Negeri Sembilan.

Seramai 30 peserta telah menyertai bengkel dua hari ini bagi memperkasakan lagi peranan dan aktiviti waqaf, zakat dan infaq di UiTM Cawangan Melaka, seterusnya menjadikan UiTMCM sebagai contoh institusi yang cemerlang dalam pengurusan dan penglibatan menyeluruh warganya.

